



MOHD. ARIFFIN MOHD. ARIFF

(Datuk Haji) dilahirkan di Kampung Pimping, Membakut pada 8 Mei 1963. Pendidikan asas beliau bermula di Sekolah Rendah Kerajaan kampung Pimping (Sekolah kerajaan Pengeran Jaya) dan mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah St. Patrick, Membakut, Sekolah Menengah Ugama Toh Puan Hajah Rahmah, Sembulan dan Ma'had Bu'auth al-Azhar, Kaherah, Mesir. Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar di Kuliah Diraasat al-Islamiah Wal Arabiah hingga mendapat kelulusan Sarjana Muda (Kepujian). Mantan Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah JHEAINS ini meminati bidang penulisan khususnya genre puisi dan kritikan dan mulai menulis

pada tahun 1976. Karya pertama beliau iaitu puisi *Cerita* tersiar dalam akhbar Borneo Buletin. Ketika menuntut di Sekolah Menengah Ugama Toh Puan Hajah Rahmah beliau aktif dalam persatuan Teater Kembara (TIKAR) dan menjadi pemimpin persatuan Genta Insan Menulis (GERIMIS) di tempat kelahirannya. Beliau juga pernah dipilih sebagai penulis dalam projek Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (1990). Kumpulan puisi beliau *Api Laut Merah* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999) menghimpunkan karya-karya beliau di bawah bimbingan Dr. Shafie Abu Bakar. Antara nama pena beliau adalah Effin, Mira Kartini dan Tongkat Nabi Musa.

Puisi-puisi beliau turut termuat di dalam antologi bersama antaranya *Jalan ke Hujung Taman, Al-Kahfi, Kiswah Rindu, Rindu Ilahi, Qiam, Mujaddid, Tasbih Rindu, Takzilah, Cahaya, Nyanyi dari Desa, Kun, Perkasihan Musim* dan *Nyanyian Iman*. Sementara fikrah beliau dalam bidang keagamaan dimanifesti melalui lapan buah buku agama berjudul *Serambi Fikrah (1), Serambi Fikrah (2), Di Bawah Rimbunan Sunah, Semerbak Ramadan, Di Bawah Rimbunan Sunah (2), Puncak Cordova* dan *Hikmah Keimanan* yang diterbitkan oleh (JHEAINS). Beliau merupakan antara penulis negeri Sabah yang pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah pada tahun 1990/1991 genre esei/kritikan. Sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau, pada tahun 2001, beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah.